

# Pertandingan silat di antara balai2 rakyat lulus dua 'ujian'

PERKADAR SUK DIT

PERLADJARI 2

**UJIAN** pertama bagi sebarang pertandingan atau rancangan yang dianjurkan buat pertama kali ialah kelicinan perjalanan pertandingan atau rancangan tersebut.

Kedua ialah sambutan terhadap rancangan itu baik dari para peserta mahupun dari para penonton yang memeriahkannya.

Dilihat dari dua faktor ini, Pertandingan Silat antara Balai2 Rakyat anjuran bersama Persatuan Rakyat (PA) dengan Persekutuan Silat Singapura (Persisi) hujung minggu lalu lulus kedua-dua ujian tersebut.

Sepanjang pertandingan yang dijalankan di Kompleks Sukan Delta selama dua hari Sabtu dan Ahad lalu, semua acara berjalan dengan lancar, menurut jangka masa yang ditetapkan.

Acara pada Sabtu yang dijadualkan berakhir pada 5.30 petang, tamat pada waktu yang ditetapkan. Begitu juga halnya dengan pertandingan pada Ahad.

## Keputusan

Kira-kira 10.30 malam, semua acara pertandingan berakhir, malahan pihak penganjur sempat pula mengadakan dua acara selingan sementara menantikan keputusan dari pihak pengadil bagi menentukan balai rakyat yang berjaya menggondol piala pusingan Haji Sidek Saniff.

Jika boleh dibuat perbandingan, kerap juga kelihatan beberapa kegiatan badan-badan setempat yang biasanya lolos dari

3 MAY 1983

Oleh itu, kepujian harus diberikan kepada pihak penganjur pertandingan silat tersebut kerana kejayaan mereka menurut jadual acara asal.

Mereka juga telah berjaya dalam ujian kedua iaitu sambutan dari para peserta dan para penonton.

Bila PA mengumumkan pertandingan yang julung-julung kalinya diadakan itu, seramai 143 orang telah mendaftarkan diri — satu bilangan yang menggalakkan sekali.

Bagaimanapun, bilangan itu berkurangan menjadi 83 orang setelah semua yang mendaftar menjalani satu ujian jasmani dan kesihatan di bawah kelolaan dua orang doktor.

Sambutan dari para penonton juga menggalakkan. Di hari pertama pusingan akhir pertandingan itu, hampir tiga suku dari kompleks sukan itu dipenuhi oleh para penonton.

Bilangan yang hadir pada Ahad lebih ramai lagi — hampir seluruh kawasan galeri dipenuhi oleh para penonton. Turut menonton ialah beberapa orang bukan Melayu.

Pengerusi jawatankuasa pertandingan, Encik Tan Kin Hian, yang juga penganjur bahagian belia PA, berkata, kurangnya bilangan penonton pada Sabtu tengahari itu mungkin disebabkan ramai yang bekerja. Pertandingan

Oleh MAFOOT SIMON

dimulakan pada kira-kira 2.30 petang.

Kejayaan kegiatan ini, besar kemungkinan akan mendorong pihak penganjur untuk menjadikannya sebagai acara tetap dalam kalendar PA.

Bagaimanapun, sama ada ia akan diadakan setiap tahun atau dua tahun sekali masih belum ditetapkan.

## Pemilihan

Pemangku ketua penganjur eksekutif PA, Encik Lee Chiong Giam, memberitahu demikian ketika ditemui di akhir pertandingan itu.

Katanya: "Kami akan menjadikan pertandingan ini sebagai acara tetap. Tetapi, sama ada ia akan menjadi acara tahunan atau dua tahun sekali masih belum diputuskan."

Beliau juga telah menyatakan rasa puas hatinya dengan hasil projek bersama PA dan Persisi itu.

Di akhir pertandingan Ahad malam itu, Setiausaha Parlimen (Perdagangan dan Perusahaan merangkap Hal-Ehwal Masyarakat), Haji Sidek Saniff, telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Balai Rakyat Pasir Panjang telah berjaya menggondol piala pusingan Haji Sidek Saniff kerana mempunyai peserta yang

paling ramai memenangi hadiah.

Setiausaha bersama projek tersebut, Encik Johari H.M. Uriff, yang juga Setiausaha Agung Persisi, berkata pemilihan ke atas balai rakyat terbaik diberikan menurut balai yang banyak sekali menerima markah.

Setiap juara yang menerima piala emas mendapat lima markah, pemenang kedua dengan piala perak menerima tiga markah dan pemenang ketiga dengan piala gangsa satu markah.

Para peserta Balai Rakyat Pasir Panjang berjaya memungut 35 markah meninggalkan balai kedua terbaik iaitu Cairnhill jauh kebelakang dengan hanya 16 markah.

Gelaran - 3 MAY 1983

Seramai empat orang peserta dari Balai Rakyat Pasir Panjang berjaya menyanggah gelaran juara bagi kelas mereka, empat orang menyanggah gelaran naib johan dalam kelas mereka dan tiga yang lain mendapat tempat ketiga.

Turut bergembira bersama-sama para pemenang pertandingan itu ialah instruktur silat di Pasir Panjang, Encik Hussain bin Kaslan, 62 tahun.

Encik Hussain, anak murid seorang guru Silat Gayung yang terkenal di

rantau Asia Tenggara, Mior Abdul Rahman, menghabiskan masanya setiap malam, kecuali malam Jumaat, mengajar silat di lima buah balai rakyat iaitu Pasir Panjang, Geylang Serai, Dover, Cairnhill dan Ulu Pandan.

Beliau juga bergiat dalam Pasak dan bertanggunjawab membawa kira-kira 240 orang anak muridnya dalam perbarisan sempena Hari Kebangsaan Singapura sejak 1963.

## Dipupuk

Encik Hussain, yang bekerja sebagai seorang pengawal keselamatan di Kemah Percutian PA di East Coast Parkway, adalah seorang ketua instruktur di Pasak.

Beliau bersetuju dengan ura-ura PA untuk menjadikan pertandingan itu sebagai acara tahunan kerana ia akan meningkatkan mutu permainan para peserta.

"Ramai juga dari anak murid saya yang mengambil bahagian dalam pertandingan seperti ini buat pertama kali. Dari pertandingan ini saya dapat melihat beberapa orang peserta yang boleh dipupuk dan dibawa ke tengah," tambah beliau.

Pertandingan serupa itu akan menyiapkan mereka untuk mengikuti pertandingan yang lebih besar di peringkat nasional yang dianjurkan oleh Persisi sendiri.